

LAPORAN AKHIR IJAZAH INDUSTRI DI  
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN  
KOTA BHARU

PERMENANGLIRAH,  
ZAWADIH BINTI JAHAN  
SARJANA MUDA SAINS  
(POLISI AWAM DAN SEMITARAN)

DIBAWAH PENGARAHAN ANA  
FACULTY PENGETAHUAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(USTEM)

2002

LI 55 FPE 1 2002



1100033039

# Laporan akhir latihan industri di Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu / Zawadi Ghani.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100033039

**Lihat sebelah**

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN  
KOTA BHARU**

**BY  
ZAWADI BIN GHANI  
Sarjana Muda Sains  
( Polisi Awam Dan Sekitaran )**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengajian Am  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2002**

**1100033039**

Beryukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan rahmatnya, laporan Latihan Industri bertempat di Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu dapat disiapkan dengan sempurna. Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pihak Encik Azmi bin Saad dan Puan Wan Fadhilah binti Wan Dagang selaku Pengarah dan Timbalan Pengarah kerana telah memberi peluang untuk menjalani latihan industri di institut ini. Segala peluang dan kesempatan yang telah diberikan akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan mencari pengalaman dalam dunia pekerjaan. Sesungguhnya, apa yang diperolehi di institut ini amat berguna untuk dijadikan panduan tentang bagaimana menghadapi situasi pekerjaan yang sebenar khususnya apabila menceburi bidang kerjaya kelak.

Ucapan ribuan terima kasih juga turut diberikan kepada Tuan Haji Abdullah bin Awang Hamat selaku penyelia di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang menjalani latihan industri di ILPKB. Saya juga berasa bangga kerana diberi kepercayaan oleh beliau untuk membantu menjalankan tugas sebagaimana yang diarahkan. Beliau juga merupakan seorang yang peramah, prihatin dan profesional dalam menjalankan tugas.

Seterusnya, tidak lupa juga teristimewa kepada Penyelia KUSTEM iaitu Dr. Fadzli bin Haji Adam dan Penyelaras Program Sarjana Muda Sains Polisi Awam dan Sekitaran iaitu Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menjalani latihan industri. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua AJK Latihan Industri dan kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), serta kepada kedua ibu-bapa dan rakan –rakan yang sudi memberi semangat dan dorongan.

Terima kasih.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## PRAKATA

Praktikal ataupun Latihan Industri yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti dan fakulti adalah bermatlamat untuk memenuhi dua objektifnya yang utama. Pertama, latihan Industri merupakan prasyarat utama bagi para pelajar yang mengikuti Program Sarjana Muda Sains Polisi Awam dan Sekitaran untuk bergraduat. Dengan kata lain, Latihan Industri ini juga merupakan kursus yang wajib diambil dan dijalankan oleh semua pelajar program ini.

Matlamat yang paling penting adalah untuk memberi peluang dan gambaran kepada para pelajar tentang bagaimana situasi pekerjaan yang sebenar. Pelajar juga diharapkan akan mendapat pemdedahan yang sewajarnya dan mampu meletakkan diri mereka untuk berkhidmat dengan agensi-agensi sepertimana yang ditempatkan sepanjang tempoh latihan industri. Pelajar juga boleh dianggap sebagai salah seorang staf atau kakitangan, walaupun tidak secara rasmi, untuk melakukan tugas-tugas dengan penuh bertanggungjawab dan amanah.

Latihan Industri juga bertujuan mendidik para pelajar prograam Sarjana Muda Sains Polisi Awam dan Sekitaran supaya menjadi warga kerja yang aktif dan produktif di sesbuah agensi atau firma penempatan sekaligus dapat merealisasikan matlamat asal penubuhan prograam ini di KUSTEM iaitu untuk melahirkan para pentadbir dan pengurus polisi yang

berpandangan jauh, bertimbang rasa, cermat dalam pembuatan dan perlaksanaan sesuatu Polisi Awam terutamanya yang melibatkan sekitaran serta bersifat mesra alam.

Selain itu, ia juga bersetujuan dengan matlamat universiti iaitu untuk menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan pendisiplinan diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif (Buku Panduan FPE 2000 – 2001).

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa Latihan Industri sememangnya penting kepada para pelajar untuk mencari pengalaman tentang kerjaya di samping dapat mengaplikasikan segala teori yang dipelajari di kampus dengan keperluan dan tugas pekerjaan yang sebenar.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>PRAKATA</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>viiii</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>ix</b>

### **BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI**

#### **ATAU SYARIKAT**

<b>1.1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Pendekatan Yang Diambil Untuk Memajukan Organisasi</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Maklumat Organisasi</b>	<b>5</b>
<b>1.3.1 Objektif Penubuhan</b>	<b>6</b>
<b>1.3.2 Kemudahan-Kemudahan Yang Disediakan</b>	<b>7</b>
<b>1.3.3 Kursus Yang Ditawarkan</b>	<b>11</b>
<b>1.3.4 Kursus Separuh Masa</b>	<b>12</b>
<b>1.3.5 Majlis Perwakilan Pelajar</b>	<b>13</b>
<b>1.3.6 Kegiatan Sukan Dan Aktiviti Lain Di ILPKB</b>	<b>14</b>

<b>1.4</b>	<b>Carta Organisasi</b>	<b>16</b>
<b>1.5</b>	<b>Kemahiran Yang Dipelajari</b>	<b>19</b>
<b>1.5.1</b>	<b>Mengetahui Situasi Pekerjaan Yang Sebenar</b>	<b>19</b>
<b>1.5.2</b>	<b>Memberikan Keyakinan Kepada Para Pelajar</b>	<b>19</b>
<b>1.5.3</b>	<b>Mengenalpasti Peluang-Peluang pekerjaan</b>	<b>20</b>
<b>1.5.4</b>	<b>Memperkenal Dan Meningkatkan Nama</b>	<b>20</b>
<b>KUSTEM</b>		
<b>1.5.5</b>	<b>Mempraktikkan Segala Apa Yang</b>	
<b>Dipelajari Di KUSTEM</b>		<b>20</b>
<b>BAB 2:</b>	<b>AKTIVITI ORGANISASI DAN</b>	
	<b>KEGIATAN KO-KURIKULUM</b>	
		<b>21</b>
<b>2.1</b>	<b>Tugas Dan Tanggungjawab Bahagian</b>	<b>21</b>
<b>2.1.1</b>	<b>Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan</b>	<b>21</b>
<b>2.1.2</b>	<b>Bahagian Pembangunan Kemahiran</b>	<b>21</b>
<b>2.1.3</b>	<b>Bahagian Kawalan Teknikal</b>	<b>25</b>
<b>2.1.4</b>	<b>Bahagian Pengurusan Latihan</b>	<b>26</b>
<b>2.2</b>	<b>Kegiatan Ko-Kurikulum</b>	<b>29</b>
<b>2.2.1</b>	<b>Kelab Sukan Dan Kebajikan</b>	
<b>Kakitangan (KSKK)</b>		<b>29</b>
<b>2.2.2</b>	<b>Jabatan Pertahanan Awam (JPA3)</b>	<b>30</b>

<b>2.2.3 Persatuan Bulan Sabit Merah (VAD13)</b>	<b>30</b>
<b>2.2.4 Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD)</b>	<b>31</b>
<b>2.2.5 Pasukan Kadet Bomba Dan Penyelamat Malaysia.</b>	<b>32</b>
 <b>BAB 3 : MENGENAL PASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN</b> <span style="float: right;">34</span>	
<b>3.1 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan</b>	<b>34</b>
<b>3.1.1 Mengesan Sistem Yang Sedia Ada</b>	<b>34</b>
<b>3.1.2 Mengenalpasti Masalah</b>	<b>35</b>
<b>3.2 Bahagian Pembangunan Kemahiran</b>	<b>36</b>
<b>3.2.1 Mengesan Sistem Yang Sedia Ada</b>	<b>36</b>
<b>3.2.2 Mengenalpasti Masalah</b>	<b>37</b>
<b>3.3 Bahagian Pengurusan Latihan</b>	<b>38</b>
<b>3.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada</b>	<b>38</b>
<b>3.3.2 Mengenalpasti Masalah</b>	<b>38</b>
<b>3.4 Bahagian Kawalan Teknikal</b>	<b>40</b>

<b>3.4.1 Mengesan Sistem Sedia Ada</b>	<b>40</b>
<b>3.4.2 Mengenalpasti Masalah</b>	<b>41</b>
<b>3.5 Analisis Masalah Dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan</b>	<b>42</b>
<b>3.6 Cadangan Penyelesaian Masalah</b>	<b>45</b>
<b>3.6.1 Langkah Mengatasi</b>	<b>45</b>
<b>3.7 Perlaksanaan Cadangan</b>	<b>48</b>
<b>3.8 Implikasi cadangan</b>	<b>50</b>
<b>BAB 4 : RUMUSAN</b>	<b>52</b>
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>57</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>58</b>

**SENARAI SINGKATAN**

ILPKB	Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu
KUSTEM	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
KSKK	Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan
JPA	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah
PSTD	Pasukan Simpanan Tentera Darat
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini disediakan bagi mengetahui dan menganalisa segala masalah yang dikenalpasti di organisasi penempatan Latihan Industri. Ia juga bermatlamat mempelajari dan menimba pengalaman tentang dunia pekerjaan di samping dapat memberi peluang untuk mengaplikasikan segala teori yang dipelajari di kampus dan diadaptasikan dengan keperluan pentadbiran serta pengurusan sesebuah organisasi.

Selain itu, latihan industri yang dijalankan oleh pelajar membolehkan mereka mengenalpasti permasalahan-permasalahan yang wujud dan dapat mengambil pelbagai alternatif yang terbaik dan bersesuaian untuk menyelesaikan masalah tersebut di atas persetujuan organisasi itu sendiri. Laporan ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada institut untuk meningkatkan dan memantapkan pengurusan institut pada masa yang akan datang demi kejayaan dan kecemerlangan bersama.

Justeru, laporan ini dihasilkan dengan pembahagian kepada dua bab yang penting. Bab yang pertama akan menghuraikan tentang latar belakang institut yang mana terdiri daripada sejarah ringkas institut, maklumat organisasi, pendekatan untuk memajukan institut, carta organisasi, aktiviti organisasi, serta kemahiran yang ingin dipelajari oleh pelajar dalam latihan industri.

Manakala, bab yang kedua pula akan menguraikan tentang pengenalan, mengesan sistem yang sedia ada mengikut setiap bahagian, analisis masalah dan cadangan perbincangan keseluruhan permasalahan. Bab ini juga akan membincangkan tentang rumusan analisis dan perbincangan, cadangan penyelesaian dan implikasi terhadap penyelesaian tersebut.

Oleh itu, diharapkan laporan ini juga akan memberi manfaat kepada semua pihak dan organisasi yang terlibat dalam meningkatkan mutu dan perkhidmatan ke arah yang lebih baik, produktif dan sistematik. Akhir kata, ia juga diharapkan dapat mewujudkan hubungan yang erat dan konsisten di antara pihak universiti dengan organisasi penempatan demi mencapai segala matlamat dan kepentingan bersama serta saling melengkapi dalam membantu kepada pembangunan negara secara keseluruhannya